

# Staf UMSKAL prihatin nasib golongan asnaf

(JM 7.8.2013 26)

LABUAN 6 Ogos - Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) meraikan golongan asnaf di lima buah kampung di sini sempena program Ziarah Ramadan Kedua, baru-baru ini.

Seramai 20 kakitangan yang mewakili setiap bahagian di universiti itu menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf di Kampung Sungai Bangat, Bukit Kalam, Bukit Kuda, Ganggarak, Layang-Layangan dan Sungai Lada.

Mereka menyerahkan wang tunai dan barang keperluan harian seperti beras hasil sumbangan kakitangan UMSKAL kepada 17 penerima pada tahun ini.

Penolong Pendaftar Kanan, Ba-

hagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Musnin Mattersah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali menyampaikan sumbangan berkenaan.

Musnin berkata, program itu bertujuan mendekati dan menggembirakan golongan asnaf, sama seperti umat Islam yang lain dalam menyambut Aidilfitri pada tahun ini.

"Selain itu, program ziarah ini telah membantu merapatkan hubungan silaturrahim antara kakitangan UMSKAL dan penduduk kampung terutama ketua-ketua kampung sambil membantu golongan yang memerlukan," katanya.

Musnin berkata, kunjungan ke kampung tersebut dapat memberi-

kan pengalaman baru kepada kakitangan mengenai keadaan fizikal dan ekonomi penerima sumbangan yang sememangnya layak menerima bantuan daripada jabatan dan agensi kerajaan.

Pada masa sama, katanya, melihat keadaan rumah dan individu terbabit nyata memberi keinsafan kepada kakitangan UMSKAL yang lebih bernasib baik memiliki perkerjaan yang mampu menyara keluarga.

Katanya, usaha itu selaras dengan hasrat pihak universiti agar UMSKAL mendekati masyarakat setempat terutama golongan yang memerlukan bantuan sebagai tanda prihatin terhadap golongan sasar.



KAKITANGAN Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan mengagihkan bantuan kepada keluarga asnaf sempena program Ziarah Ramadan Kedua di Labuan, Sabah, baru-baru ini.